

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965 RUJUKAN FAIL: PTPK/02/A/PPJ/2025/17 (LELONGAN PERTAMA)

Permintaan Oleh

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM Pemegang Gadaian

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Manjung yang diperbuat pada 26 Jun 2025 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Manjung

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA HARI RABU BERTARIKH 29/10/2025 JAM 11:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 3042
No. Lot/PT	Lot 54693
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Lekir
Keluasan Tanah	143 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM50
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman -Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	TIADA
Kawasan Rizab	Rizab Melayu
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 02SC419/2021. Didaftarkan pada 01 Mac 2021.
Lokasi Hartanah	NO. 280, JALAN SERI LEKIR 10, TAMAN SERI LEKIR, 32000 SITIAWAN, PERAK

HARGA RIZAB: RM 230,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 23,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Tiga Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **26 Februari 2026** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.
7. Bagi hakmilik tanah pegangan melayu, orang melayu atau badan-badan yang didefinisikan sebagai melayu di dalam enakmen rizab melayu sahaja yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dan menawar dalam proses lelongan tersebut.



Bertarikh pada 30 Jun, 2025

**Pentadbir Tanah
Daerah Manjung
Negeri Perak Darul Ridzuan**